

28 APR 1997

LEBIH KURANG 2,200 BARANGAN DI PAMERKAN DI PUSAT PAMERAN BARANGAN GETAH

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Pusat Pameran Barangan Getah Antarabangsa, yang ditempatkan di kawasan Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) di Sungai Buloh, telah berjaya mengumpulkan lebih kurang 2,200 barangan berasaskan getah yang dibuat di dalam dan di luar negeri.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata ini adalah satu pencapaian yang baik walaupun ia merupakan hanya lebih kurang 25 peratus daripada jumlah jenis barangan yang diperbuat daripada getah.

Berucap pada majlis perasmian pusat tersebut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi tadi, beliau memberi jaminan bahawa jumlah jenis barangan yang dipamerkan di pusat tersebut akan di tambah dari masa ke masa.

Katanya pusat bernilai RM5.7 juta itu dibina oleh sebuah konsortium tiga syarikat yang diterajui oleh Media Signs Sdn Bhd, dan bertujuan untuk menghimpunkan barangan yang diperbuat daripada getah supaya dapat diletak di bawah satu bumbung dan dipamerkan kepada pihak-pihak yang berminat dan berkecimpung dalam aktiviti berkaitan.

Dr Lim berkata pusat pameran itu akan menjadi salah satu pemangkin kepada pembangunan sektor pembuatan barangan berasaskan getah di Malaysia.

Beliau menambah bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, lebih banyak perancangan pembangunan akan dibuat untuk membantu perkembangan sektor pembuatan barangan berasaskan getah.

"Di masa hadapan tumpuan yang lebih akan diberi kepada perkembangan sektor hiliran.

"Namun begitu ia bukan bermakna bahawa sektor hulu akan diabaikan, ia akan terus disokong dengan pendekatan yang berbeza," kata Dr Lim. --

BERNAMA

DVS SIA